

27 APR 1996

Samy - Tabung

MIC MAHU PERATURAN TERTENTU TABUNG AMANAH KEPADA MASYARAKAT INDIA

SEPANG, 27 April (Bernama) -- MIC akan meminta kerajaan memperuntukkan peraturan tertentu daripada Skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) bernilai RM3 bilion kepada masyarakat India, kata Presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

Beliau berharap kerajaan akan memberi pertimbangan khas kepada permintaan parti oleh kerana masyarakat India dianggap sebagai masyarakat termiskin di negara ini.

"MIC akan meminta supaya masyarakat India diberi keutamaan agar mereka dapat mempertingkatkan kedudukan sosio ekonomi mereka dan bersaing dengan kaum lain," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kepimpinan Wanita anjuran Wanita MIC Selangor di sini.

Tabung amanah itu akan dijual dengan harga seunit. Untuk memastikan pengagihan yang saksama, 51 peratus saham ASW akan dihadkan kepada Bumiputera sementara selebihnya kepada bukan Bumiputera. Ia akan dilancarkan oleh Dr Mahathir pada Ogos.

Pelaburan minimum bagi individu ialah RM100 dan maksimum RM50,000. Untuk institusi, pembelian minimum ialah RM5,000 dan maksimum RM500,000.

Ketika mengumumkan tabung amanah itu Khamis lepas, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata saiz tabung itu bagi rakyat Malaysia berumur antara 12 dan 30 tahun akan ditambah kemudian.

Samy Vellu berkata MIC akan menjalankan kempen di seluruh negara bagi menarik masyarakat India melabur dalam tabung amanah itu.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucapan dasarnya, beliau berkata para pemimpin MIC tidak boleh mengharapkan kerajaan dan kumpulan sosisl bagi menangani gejala sosial yang dihadapi oleh masyarakat India.

"Pergerakan Pemuda dan Wanita MIC harus memainkan peranan utama dalam usaha mengatasi masalah berkenaan," kata beliau.

Menurutnya, masalah dadah, samseng, buta huruf, kemiskinan, jenayah dan keruntuhan institusi keluarga ialah antara masalah kritikal yang perlu ditangani dengan segera.

Samy Vellu berkata, kementerian mungkin mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang melesapkan wang pendahuluan bagi kontrak kerajaan.

Menurut beliau, Jabatan Kerja Raya (JKR) yang diarah mengenal pasti kontraktor terbabit akan menyerahkan laporan kepada beliau minggu depan berhubung dengan perkara itu.

"Jika ada kontraktor seumpama itu dalam senarai, kita akan mengambil tindakan termasuk kemungkinan membawa mereka ke mahkamaht," kata beliau.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap kontrak yang terbabit.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad dipetik sebagai berkata baru-baru ini bahawa kerajaan ditipu RM12 juta oleh individu tertentu yang lesap selepas menerima wang pendahuluan bagi projek bernilai RM80 juta.

Mengenai sama ada tindakan juga akan diambil terhadap pegawai kerajaan kerana gagal menyasiat latarbelakang kontraktor sebelum mengeluarkan wang pendahuluan itu, Samy Vellu berkata: "Ini kita perlu siasat."

Menurutnya, kementertian tidak akan meminta Kementerian kewangan

mengkaji semula pembayaran pendahuluan kerana ini menjejaskan kontraktor tulen terutama di kalangan Bumiputera.

"Hanya kerana perbuatan satu atau dua kontraktor tidak jujur, kita tidak boleh membatalkan pembayaran awal kerana ada beratus-ratus kontraktor Bumiputera yang bekerja kuat dan menunjukkan minat untuk berjaya," kata beliau.

Samy Vellu juga berkata terpulang kepada Kementerian Pembangunan Usahawan sama ada untuk menyiarkan nama kontraktor yang menipu kerajaan. --  
BERNAMA

ES FAZ